



KAKITANGAN UMT bersama ibu dan bapa angkat masing-masing pada Program Bakti Staf UMT di Kampung Gerhuruh, Kuala Terengganu semalam.

Program Bakti Staf UMT di Kampung Gemuruh

Kosmo 2414109 MLS 15

DEKATI MASYARAKAT. Sebanyak 30 kakitangan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menjadi anak angkat penduduk Kampung Gemuruh, Tepoh, Kuala Terengganu semalam.

Ia bersempena Program Bakti Staf UMT melibatkan kakitangan profesional dan pegawai sokongan akademik yang mendekati masyarakat melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan.

Selain tinggal bersama keluarga angkat masing-masing selama tiga hari, pemeriksaan kesihatan, pameran, taklimat, sukan rakyat, malam kebudayaan dan kenduri turut diadakan.

Program itu bertujuan menyampaikan maklumat kepada penduduk dan mewujudkan budaya masyarakat penyayang.